

20/06/1998

Selamatkan Umno (HL)

aniza Idris

KUALA LUMPUR, Jumaat - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad memberi amaran, Umno tidak dapat menyelamatkan negara daripada penjajahan baru akibat kegawatan ekonomi sekarang tanpa perpaduan dan persaudaraan ahli parti serta kaum lain yang sehaluan.

Jika mahu selamat, tegas Presiden Umno itu, parti dan negara juga belum boleh mengamalkan semua yang didakwa sebagai liberal demokrasi ala-Barat.

Menurutnya, orang Melayu dan Bumiputera bukan saja belum kuat untuk bersaing dalam dunia yang kian mencabar ini, malah mereka belum cukup kuat untuk dibiarkan mempertahankan diri tanpa pimpinan dan perlindungan Umno.

Sambil mengingatkan kemerdekaan negara belum terjamin kerana negara yang lebih gagah pun sudah ditewaskan, beliau berkata, riwayat Umno tidak perlu dipendekkan. Keadaan ini akan berlaku jika ahli parti tidak berhati-hati, tidak cekap dan gila dengan keuntungan yang cepat.

Menyampaikan ucapan dasar bertemakan 'Cabaran Kegawatan' di Perhimpunan Agung Umno di Pusat Dagangan Dunia Putra hari ini, Dr Mahathir berkata, berbanding parti lain, Umno selama lebih setengah abad bukan saja selamat, tetapi berjaya dalam politik dan menerajui kerajaan.

Beliau menegaskan, soal sama ada Umno akan terus 'survive' atau tidak, bergantung kepada budaya ahli, sifat-sifat yang ada pada ahli, sifat berjaga-jaga terutama apabila sesuatu yang baru diperkenalkan.

Oleh itu, kata Perdana Menteri, jangan sekali-kali membenarkan keuntungan jangka pendek menutup mata mereka kepada kerugian jangka panjang.

"Selamatkanlah dan peliharakanlah Umno. Pemimpin tidak kekal, pemimpin boleh ditukar dan pemimpin boleh dicari. Tetapi Umno boleh kekal lebih lama daripada pemimpin.

"Oleh itu berhati-hatilah, berjaga-jagalah dalam menguruskan pertubuhan ini. Ia banyak berbakti kepada kita dan kita hendaklah berbakti kepadanya," katanya dalam ucapan lebih sejam itu.

Dr Mahathir berkata, kejayaan dalam sesuatu perjuangan tidak bermakna kejayaan yang kekal kerana cabaran dan bahaya wujud sepanjang masa. Jika ahli Umno membiarkan diri mereka lemah kerana terlalu senang, kejayaan yang dikecap akan dipisahkan daripada mereka.

"Justeru, amat penting Umno bersedia sepanjang masa, Umno bersatu padu secara berterusan dan Umno berhati-hati akan kemungkinan percubaan dibuat untuk menggagalkan kita," katanya.

Presiden Umno berkata, kejayaan demokrasi di Malaysia bukan bermakna sistem itu tiada cacat cela. Sebaliknya, kejayaan sistem itu di negara ini kerana Umno tidak mengambil kesempatan daripadanya untuk dirinya semata-mata. Umno memilih bekerjasama dengan kaum lain, tidak mengetepikan hak minoriti dan mengutamakan keadilan untuk semua.

Walaupun ada pihak yang mendakwa tiada demokrasi di Malaysia kerana pertukaran kerajaan tidak berlaku setiap kali pilihan raya, hak mengekalkan kerajaan tidak bertentangan dengan demokrasi, malah menjadi sebahagian daripada sistem itu jika ia adalah atas kehendak rakyat melalui proses demokratik.

Menurutnya, walaupun Umno dan kerajaan percaya demokrasi adalah baik bagi negara ini, pengamalannya hendaklah dibuat dengan berhati-hati. Jika ternampak ada usaha untuk menggunakan demokrasi untuk tujuan tidak baik, aturan sistem itu perlu diperketatkan bagi menghindari kesan buruknya.

"Ingatlah Barat yang mendakwa demokratik tidak membenarkan parti komunis

wujud di negara mereka. Demokrasi juga tidak menyekat mereka daripada menjajah hingga sekarang.

"Demokrasi bukan agama yang diwahyukan Tuhan. Sedangkan agama boleh disalahtafsir dan diputarbelitkan orang yang berkepentingan, apatah lagi demokrasi. Oleh itu, bukan semua daripada apa yang didakwa liberal demokratik Barat akan diamalkan oleh kita. Kita akan pilih yang jernih dan buang yang keruh," katanya.

(END)